

U B131 BAH

MAHATHIR - PEMBANGUNAN

KOTA BAHARU, 27 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT TERUTAMA GOLONGAN MISKIN DI LUAR BANDAR, WALAUPUN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI RANCANGAN MALAYSIA KELIMA KURANG DARIPADA PERUNTUKAN RANCANGAN SEBELUMNYA

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SUNGGUHPUN KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SEBAGAIMANA SEBELUM KEMELESETAN EKONOMI, RAKYAT AKAN TETAP MENIKMATI FAEDAH PEMBANGUNAN SEPERTI BIASA.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PROJEK PERUMAHAN DESA DARUL NAIM DI PASIR TUMBOH, DEKAT SINI HARI INI, BELIAU MEMINTA RAKYAT BERSABAR DAN MEMAHAMI HAKIKAT BAHAWA NEGARA MASIH MENGALAMI KEKURANGAN KEWANGAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI.

RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA KECEWA DENGAN KEJATUHAN HARGA BEBERAPA KOMODITI SEPERTI GETAH, KELAPA SAWIT DAN MINYAK, TETAPI HENDAKLAH BERUSAHA DENGAN GIGIH AGAR NEGARA MENJADI LEBIH MAKMUR DAN MEREKA DAPAT HIDUP DENGAN SEMPURNA, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA, DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN, KERAJAAN BERSIKAP ADIL KEPADA SEMUA PIHAK DAN SENTIASA MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA KAWASAN TERPENCIL DAN MUNDUR. -- LAGI
2154MST 27 03 84

U B133 BAH

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI YANG TIBA DI SINI HARI INI UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI, BERKATA JIKA RANCANGAN PEMBANGUNAN BANYAK DITUMPUKAN DI KAWASAN BANDAR PADA MASA LEPAS, KERAJAAN KINI AKAN MENGAGIH-AGIHKAN KEPADA SEMUA TEMPAT AGAR RAKYAT DAPAT MENIKMATI FAEDAHNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK MUNGKIN BERGANTUNG PADA SATU PUNCA KEWANGAN SAHAJA UNTUK MEMBIAYAI PEMBANGUNAN DI KAWASAN MUNDUR DAN TERPENCIL.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, PENUBUHAN KAMPUS UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI NEGERI INI ADALAH RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MENGAGIH-AGIHKAN NIKMAT PEMBANGUNAN KE TEMPAT-TEMPAT LAIN DAN MEMBUKTIKAN KERAJAAN BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA PIHAK.

SUNGGUHPUN BELANJA MEMBINA KAMPUS UNIVERSITI ITU AGAK TINGGI, KERAJAAN SANGGUP MELAKSANAKANNYA BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT NEGERI INI MENIKMATI FAEDAH PEMBANGUNAN SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH RAKYAT DI TEMPAT LAIN, UJARNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HAMPIR SETIAP HARI KERAJAAN MERASMIKAN PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RAKYAT YANG MENUNJUKKAN KERAJAAN MEMERINTAH MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DAN KEBAHAGIAAN RAKYAT. -- LAGI
2201MST 27 03 84

U B134 BAH

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 KOTA BAHARU

BELIAU MEMBIDAS SEBUAH PARTI POLITIK YANG SUKA MENABUR FITNAH, MENGHASUT RAKYAT MEMBENCI SESAMA SENDIRI DAN MENYELEWENGGAN PENGAJARAN ISLAM, IAITU BERBEZA DENGAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG MENYERU KEPADA PERPADUAN, KEBAIKAN, AMANAH, BERDISIPLIN DAN RAJIN BEKERJA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEKARANG ADALAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KESELAMATAN NEGARA, KEAMANAN DAN TIDAK MENGGALAKKAN RAKYAT MENIMBULKAN MASALAH KEPADA NEGARA.

+OLEH KERANA KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KEAMANAN, SEBAB ITULAH KITA MENYERU RAKYAT HIDUP AMAN DAMAI DAN BEKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN DAN ANTARA ORANG MELAYU DAN KAUM-KAUM LAIN,+ UJARNYA.

INI BERTENTANGAN DENGAN PENDIRIAN PARTI POLITIK ITU YANG MEMBUAT TOHMAHAN BAHAWA ORANG-ORANG UMNO ADALAH KAFIR KERANA BEKERJASAMA DENGAN KAUM LAIN, TETAPI KINI MEREKA SENDIRI Mencari kawan dengan ORANG BUKAN ISLAM, KATA BELIAU. -- BERNAMA.
2201MST 27 03 84